

Pampasan tidak setimpal

Pemilik tanah terlibat pembinaan jambatan mahu kerajaan negeri kaji semula

Kerja pembinaan sedang giat dijalankan.

SELAT KLANG - Penduduk Jalan Sungai Bertih (Bertek), Telok Gadong meminta kerajaan negeri segera campur tangan dalam menyelesaikan masalah pengambilan tanah dan kediaman melibatkan 144 pemilik yang didakwa tidak setimpal dengan jumlah pampasan.

Pengambilan tanah itu bagi tujuan pembinaan Jambatan Ketiga Klang oleh kerajaan negeri yang dijadual siap menjelang Julai tahun depan itu telah dirasmikan oleh bekas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, pada 15 Februari 2013.

Kerajaan negeri memperuntukkan RM300 juta daripada rizab berjumlah RM2.57 bilion pada 2012 bagi melaksanakan projek berkenaan.

Penduduk, Razman Abu Bakar, 65, berkata, penduduk tidak menolak pembangunan oleh pihak kerajaan namun pemberian pampasan haruslah setimpal bagi membolehkan mereka membeli kediaman baharu.

"Mana ada rumah sekarang berharga RM100,000? Semua lebih RM300,00.

"Kami buat rumah sudah ratus ribu dengan nilai tanah lagi, mereka

senang-senang nak beli dengan nilai RM39' sekaki sedangkan nilai di pasaran adalah sekitar RM100.

"Kami sudahlah kehilangan tanah dan rumah, tambah sedih pampasan diberi pula tidak memadai. Ke mana kami mahu merempat," katanya ketika berkumpul bersama penduduk lain menyatakan bantahan itu, di sini kelmarin.

Notis diberi terlalu singkat

Penduduk juga mendakwa perancangan itu dibuat kerajaan negeri sekitar dua tahun lalu, bagaimanapun mereka hanya diberikan notis dan tempoh masa yang singkat untuk keluar dari penempatan itu iaitu sekitar dua bulan lalu menerusi borang A.

Penduduk, Ruzimah Iskandar, 57, berkata, tempoh itu amat singkat untuk penduduk terlibat mencari penempatan baharu.

"Kami ditawarkan pampasan RM500 sebulan bagi sewa rumah selama tiga bulan.

"Kos sewa rumah di Klang bukan macam dulu. Paling murah pun sekitar RM700, ke mana kami hendak pergi," katanya.

Lebih menyedihkan penduduk tu-



Papan tanda pembinaan Jambatan Ketiga Klang yang dirasmikan Abdul Khalid.

rut mendakwa kaedah pengambilalihan tanah di situ tidak mematuhi syarat bahkan mereka tidak diberikan penerangan khusus mengenai projek terbabit.

Tak mampu nak buat pinjaman rumah

Penduduk, Jamal Abu Samah, 49, berkata, pemberitahuan melalui notis dalam masa yang singkat juga dilihat seolah-olah tidak memberi peluang kepada penduduk untuk mempertahankan hak masing-masing.

"Dalam tempoh singkat itu juga,



Tanah di seberang papan tanda ini akan diambil alih kerajaan negeri.

kerajaan negeri nak kawasan itu dikosongkan segera akhir bulan ini.

"Kasihannya kami...rata-rata penduduk terlibat penduduk asal dari sini yang dah berumur dan ibu tunggal.

"Mereka sudah lebih umur...nak buat pinjaman beli rumah dah tidak mampu. Ini sahajalah harta yang kami ada," katanya.

Menurutnya, penduduk sudah menghantar notis bantahan kepada Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali namun hingga kini tiada maklum balas.

"Kami minta kerajaan negeri supaya menimbang semula berhubung pampasan agar ia setimpal dengan ni-

lai tanah dan rumah yang diambil bagi membolehkan penduduk terlibat beli kediaman.

"Bertimbang rasalah kepada kami, bagilah nilai lebih daripada pampasan minimum yang ditetapkan," katanya.

Adun akan bincang bersama pegawai daerah

Sementara itu, Adun Selat Klang, Dr Halimah Ali berkata, pihaknya akan mengadakan perbincangan bersama pegawai daerah tentang isu-isu yang membangkitkan penduduk esok (Rabu).

"Hasil perbincangan itu akan dimaklumkan kemudiannya kepada umum," katanya.



Penduduk desak kerajaan negeri campur tangan dalam isu pampasan yang tidak setimpal.